

## GESAAAN BERFIKIR MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

### *THE URGING TO THINK FROM THE PERSPECTIVE OF THE QURAN*

Norafifah binti Ab Hamid<sup>1</sup>  
Mohd Fauzi bin Hamat<sup>2</sup>  
Aznil bin Zainal Abidin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Calon Pascasiswazah Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya & Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Melaka

(E-mail: norafifah@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Profesor di Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

(Email: mfhamat@um.edu.my)

<sup>3</sup> Prof Madya di Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

(E-mail: hadiqah\_irfan@um.edu.my)

#### Article history

Received date : 4-3-2025

Revised date : 5-3-2025

Accepted date : 13-3-2025

Published date : 14-3-2025

#### To cite this document:

Ab Hamid, N., Hamat, M. F., & Zainal Abidin, A. (2025). Gesaan berfikir menurut perspektif Al-Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (71), 51- 58.

**Abstrak:** Konsep berfikir dalam ajaran Islam bukan sekadar kegiatan mental yang hanya melibatkan neuron semata-mata tetapi lebih dari itu adalah bertujuan untuk membawa manusia mengenal pencipta (*ma'rifatullah*) dan seterusnya akan mendorong manusia untuk melakukan ketaatan kepada Allah SWT (*ta'atullah*). Sehubungan itu al-Quran merupakan sumber utama dalam menggesa manusia untuk berfikir. Hal ini khususnya dapat dilihat menerusi perkataan akal yang telah disebut sebanyak 49 kali dalam al-Quran dengan melibatkan kata 'aqala, na'qilūn, ya'qilūn, dan ta'qilūn. Justeru makalah ini akan mengenalpasti dan menganalisis beberapa ayat al-Quran yang menggesa untuk manusia berfikir dan melihat kepentingannya dalam menuju pencapaian makrifatullah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi dan metode analisis data berdasarkan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap teks al-Quran dan tafsir al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa al-Quran secara konsisten menggesa manusia supaya berfikir dan menggunakan akal dengan sebaiknya dalam menjalani kehidupan di dunia agar dapat mengenal hakikat diri dan Pencipta yang seterusnya menuju kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat.

**Kata Kunci:** Gesaan, Berfikir, al-Quran, Makrifatullah.

**Abstract:** The concept of thinking in Islamic teachings is not merely a mental activity involving neurons; rather, it serves a higher purpose of guiding humans towards recognizing the Creator (*ma'rifatullah*), which subsequently encourages them to attain obedience to Allah SWT (*ta'atullah*). In this regard, the Qur'an serves as the primary source that urges human beings to engage in contemplation. This is particularly evident through the mention of the term 'aql, which appears 49 times in the Qur'an in various forms such as 'aqala, na'qilūn, ya'qilūn, and ta'qilūn. Hence, this paper seeks to identify and analyze several Qur'anic verses that emphasize the importance of thinking and to examine their significance in achieving *ma'rifatullah*. This study employs a qualitative approach, utilizing documentation as the data collection method and

*content analysis to interpret the Qur'anic texts and their exegeses. The findings indicate that the Qur'an consistently urges human beings to think critically and utilize their intellect effectively in navigating life, thereby enabling them to understand their true nature and their Creator, ultimately leading to happiness in both this world and the hereafter.*

**Keywords:** *Encouragement, Thinking, Qur'an, Ma'rifatullah.*

## Pendahuluan

Perbincangan mengenai konsep berfikir adalah berkait rapat dengan konsep akal dalam diri manusia. Akal merupakan unsur ruhaniah manusia yang juga berkait dengan *qalb*, *ruh* dan *nafs*. Oleh demikian *'aql*, *qalb*, *ruh* dan *nafs* turut dilihat sebagai entiti yang sama namun berbeza dari sudut fungsinya. Saat manusia berfikir dan menanggapi sesuatu ia disebut sebagai akal, saat mentadbir jasad ia disebut *al-nafs*, saat menerima ilham ia disebut *qalb* dan saat kembali kepada unsur abstraknya ia disebut *ruh* (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1990) & (Mohd Farid Mohd Sharan, 2015). Hal ini berbeza sama sekali dengan dunia Barat moden yang membataskan akal kepada aspek *discursive* dan *sylogistic* semata-mata (Mohd Farid Mohd Sharan, 2015). Sesungguhnya akal mendapat kedudukan yang tinggi dalam Islam. Ini kerana akal yang membezakan kedudukan manusia dengan makhluk lain sehingga manusia dipilih menjadi khalifah di muka bumi Allah SWT di samping menjadi penentu taklifan *syari'ah* ke atas individu muslim. Hakikatnya al-Quran merupakan landasan utama dalam membincangkan konsep berfikir dalam diri manusia. Hal ini khususnya dapat dilihat menerusi perkataan akal yang telah disebut sebanyak 49 kali dalam al-Quran dengan melibatkan kata *'aqala*, *na'qilūn*, *ya'qilūn*, dan *ta'qilūn* (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Istilah ini digunakan dalam sebilangan ayat dari surah Makiyyah sebanyak 31 kali dan Madaniyyah sebanyak 18 kali. Ini jelas menunjukkan bahawa konsep pemikiran dalam al-Quran lebih cenderung kepada mengajak manusia beriman kepada Allah SWT. Selain itu kalimah yang berkait dengan akal jelas wujud dalam bentuk (*fi'il*) atau perbuatan yang menggesa manusia agar berfikir (*ta'qilūn*) (Yusuf al-Qaradawi, 2001), mengingat (*tadhakkur*) (Zainorah Kadri, 2015), berfikir secara mendalam (*tafakkur*) (Yusuf al-Qaradawi, 2001), mengambil iktibar (*tadabbur*) (Zainorah Kadri, 2015) dan memahami (*tafqiḥūn*) (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Sementara itu perkataan akal yang digunakan dalam bentuk pertanyaan disebut sebanyak 13 kali dalam al-Quran di samping turut menempelak golongan manusia yang tidak mahu berfikir (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Justeru kajian ini ingin mencapai dua objektif utama iaitu mengenalpasti dan menganalisis beberapa ayat al-Quran yang menggesa untuk manusia berfikir dan kepentingannya dalam menuju pencapaian makrifatullah.

## Sorotan Literatur

Pada kelazimannya kajian mengenai konsep berfikir manusia dari perspektif Islam adalah berkait rapat dengan konsep akal. Dalam konteks ajaran Islam, al-Quran merupakan sumber utama yang perlu dijadikan rujukan termasuklah dalam konteks akal dan pemikiran manusia. Sehubungan itu, terdapat pelbagai kajian mengenai konsep akal dan pemikiran manusia dari perspektif al-Quran yang menunjukkan bahawa ajaran Islam amat menekankan aspek pemikiran manusia dengan menampilkan pelbagai bentuk perbincangan.

Antaranya kajian Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Faizul Azmi (2013) yang membincangkan Al-Quran sebagai sebuah kitab yang sentiasa menyeru kepada pembebasan akal daripada pemikiran yang sempit kepada pelbagai pendekatan dan pengajaran untuk menjadikan akal sebagai neraca penilaian bagi setiap perkara (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi, 2013). Manakala kajian Wan Haslan Kharudin pula telah mengemukakan Gaya berfikir

*qur'ānī* iaitu berfikir dengan objektif, positif, hipotetikal, rasional, berfikir dengan visual dan berfikir dengan metafora. Kesemua ini menurut beliau adalah bukti bahawa ajaran Islam memberi kedudukan istimewa kepada akal (Wan Haslan bin Khairuddin, 2014). Sementara itu Zainorah Kadri membuktikan bahawa elemen-elemen berfikir secara kritis seperti anjuran untuk menilai, meneliti, menganalisis telah ditonjolkan dalam al-Quran sebagai panduan umat manusia (Zainorah Kadri, 2015). Ketiga-tiga kajian ini menunjukkan bahawa perbincangan mengenai akal dan pemikiran manusia jelas terkandung dalam al-Quran walaupun kajian-kajian ini memberi perhatian kepada aspek yang berbeza.

Menurut Efrianto, al-Quran menggesa umat manusia agar menggunakan akal bagi memahami proses sejarah keberadaan manusia dan hukum-hukum Allah SWT yang ditentukan kepada manusia (Efrianto Hutahut, 2017). Sehubungan itu, dapat difahami bahawa penentuan tanggungjawab untuk melaksanakan syariat dan hukum ketetapan Allah SWT adalah berdasarkan kewarasan akal yang dimiliki. Hal ini seperti yang telah dinyatakan oleh Zaidi Ismail bahawa kedudukan istimewa akal jelas dalam kebertanggungjawaban agama yang dinamakan taklif *shar'ie* dan ia bergantung pada kematangan akal (*aqil baligh*) yang bercirikan keupayaan membezakan (*tamyiz* atau *mumayyiz*) bukan sahaja baik buruk tetapi juga kategori dasar kewujudan wajib, mustahil dan harus (Mohd Zaidi Ismail, 2018).

Sehubungan itu dapat difahami bahawa akal yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia jelas mempunyai potensinya yang tersendiri sehingga ia diangkat menjadi penentu taklifan seorang mukallaf dan juga dijadikan sebagai sumber ilmu dan pendalilan akidah. Namun begitu, pada masa yang sama perlu difahami bahawa akal manusia mempunyai had batasan khususnya dalam memahami perkara ghaib yang melibatkan aspek ketuhanan, kenabian dan sam'iyat. Disebabkan itu, wahyu diperlukan sebagai bimbingan terhadap keterbatasan tersebut. Hal ini jelas telah dibincangkan oleh sarjana muslim seperti al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam karya-karya mereka. Selain itu hal ini turut mendapat perhatian ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi.

Oleh itu perlu difahami bahawa akal perlu bergerak seiring dengan panduan syariat (Yusuf al-Qaradawi, 2001). Kekuatan akal dan syariat akan menjadi pengendali kepada nafsu dan amarah. Disebabkan itu, menurut kajian Naufal Ahmad Rijalul Alam, keseimbangan antara kegunaan akal dan kebenaran wahyu amat ditekankan oleh al-Ghazali (Naufal Ahmad Rijalul Alam, 2015). Dalam masa yang sama syariat juga diperlukan bagi memelihara kedudukan dan kemuliaan akal. Apabila akal terjaga dengan baik sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam, maka kemaslahatan manusia akan tercapai dan kemungkaran serta perbuatan keji dapat dicegah (Wan Muahammad Naif Bin Wan Mohd Nordin, 2017).


Selain itu perlu dinyatakan bahawa amalan berfikir yang digarapkan dalam Islam sebenarnya menepati fitrah semula jadi manusia yang akhirnya akan membawa manusia kepada Allah SWT. Sebaliknya, gaya berfikir yang tidak menepati syarak akan membawa kepada kecelaruan tindakan yang memberi kesan buruk kepada keharmonian sosial sejagat. Hal ini seperti yang telah dibincangkan oleh (Mohd Nasir Ayub et. al). Sehubungan itu, dapat difahami bahawa pentingnya gaya berfikir manusia berdasarkan acuan syarak yang menepati fitrah semulajadi manusia dengan berorientasikan pencarian *ma'rifatullah* agar selari dengan tujuan penciptaan manusia di muka bumi untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Berdasarkan sorotan di atas dapat dinyatakan bahawa masih tiada satu kajian khusus yang membincangkan tentang gesaan berfikir dalam al-Quran dan kepentingannya dalam mencapai

*makrifatullah*. Kelazimannya perbincangan difokuskan kepada kedudukan dan peranan akal. Berbeza dengan kajian ini yang akan lebih menumpukan kepada gesaan berfikir yang terkandung dalam al-Quran sekaligus memperlihatkan hubungannya dalam mencapai tahap makrifatullah yang berkait rapat dengan tuntutan tauhid dalam kehidupan.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kualitatif iaitu kajian yang cenderung kepada penganalisaan dokumen. Ia merupakan sebuah penyelidikan yang menghasilkan dapatan kajian tanpa melalui prosedur statistik atau bentuk pengiraan. Kajian yang bersifat kualitatif dilihat amat bertepatan dengan kajian ini yang memberi tumpuan terhadap teks dan tafsir al-Quran. Metode pengumpulan data dan analisis data digunakan bagi memastikan data yang diterima adalah tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian. Dalam usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat bagi mencapai objektif kajian ini, penulis telah memilih metode dokumentasi kerana antara sumber utama kajian adalah diperolehi melalui dokumen. Sehubungan itu ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan akal atau kegiatan berfikir telah dikenalpasti. Hasilnya terdapat 49 kali perkataan akal yang disebut dalam al-Quran. Dalam usaha untuk menganalisis data pula, penulis menggunakan rekabentuk analisis kandungan yang merupakan metode paling popular dalam penyelidikan bidang pengajian Islam (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2018). Analisis kandungan merupakan salah satu bentuk analisis yang bersesuaian untuk menganalisis dokumen kerana ia merupakan satu prosedur yang bersifat sistematik untuk menjelaskan sesuatu kandungan dokumen (Othman Lebar, 2021). Oleh demikian dalam kajian ini penulis telah memilih tiga ayat al-Quran yang menekankan gesaan berfikir dan mengandungi elemen tauhid. Seterusnya ayat-ayat al-Quran terpilih telah dianalisis berdasarkan dua tafsir iaitu Tafsir Ibn Kathir yang menggunakan metode tafsir bi ma'thur dan Tafsir al-Kabir karya al-Razi yang dikenali sebagai Tafsir bi al-Ra'yi. Bagi memastikan analisis yang dilakukan lebih bersifat kritikal menepati ciri sebuah kajian ilmiah, penulis turut menggunakan pendekatan deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif adalah satu cara untuk menganalisis data-data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2018). Sementara metode induktif bermaksud satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum (Idris Awang, 2001). Selain itu ia juga merupakan suatu proses yang logik bagi memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik. Gambar rajah metodologi kajian seperti berikut



### Perbincangan mengenai gesaan berfikir dalam al-Quran

Berdasarkan penelitian terhadap firman-firman Allah SWT didapati perbincangan mengenai gesaan berfikir jelas terkandung dalam al-Quran dan ia boleh dijadikan sebagai panduan asas dalam memahami konsep pemikiran manusia. Gesaan berfikir merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian kerana ia akan mendorong manusia ke arah pengukuhan akidah keimanan sehingga boleh tercapainya tahap *ma'rifatullah* yang seterusnya mencetus kepada *ta'atullah*. Hakikatnya akal berkait rapat dengan kegiatan berfikir. Ini kerana akal merupakan suatu kekuatan atau keupayaan pada diri insan (*quwwah li al-nafs al-nāṭiqah*) iaitu keupayaan berfikir dan memahami (*al-quwwah al-āqilah*) (Mohd Zaidi Ismail, 2018). Sesungguhnya al-Quran adalah untuk golongan yang berakal dan telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW seorang yang tinggi tahap potensi akalunya.

Berdasarkan potensi akal yang ada pada manusia maka Allah SWT menggesa agar umat manusia berfikir. Antaranya dalam firman Allah SWT seperti berikut:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ . الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ  
قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا  
سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Terjemahan: “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang, terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, Maka peliharalah kami dari siksa neraka.”

(Āli ‘Imran 3:190-191)

Ayat ini menjelaskan hubungan berfikir manusia tentang bukti-bukti kejadian alam dengan mengingati (*tadhakkur*) Allah SWT dalam setiap keadaan, berdiri, duduk dan baring. Menurut Ibn Kathir (1300M-1373M) Allah SWT menyifatkan mereka ini sebagai golongan yang berakal dan mereka sentiasa memikirkan ciptaan Allah SWT dan merenungi hikmah yang terkandung dalam penciptaan tersebut (Ibn Kathir).

Berdasarkan pandangan al-Razi (1149M-1209M) pula dalam *Tafsir al-Kabir* dapat difahami bahawa ayat ini bukan sahaja menggesa manusia untuk memikirkan bukti-bukti kejadian alam tetapi lebih dari itu adalah untuk mendorong hati dan ruh atau fikiran kepada mengenali Allah SWT yang beliau nyatakan sebagai *مَعْرِفَةَ الْحَقِّ*. Ayat ini menunjukkan tentang tauhid Ketuhanan beserta sifat Kebesaran dan Keagungan Allah SWT. Seterusnya menurut al-Razi, tauhid Ketuhanan ini diimplementasikan melalui penghambaan (*ubudiyyah*) yang melibatkan tiga elemen utama dalam diri manusia iaitu membenarkan dengan hati (*التَّصَدِيقُ بِالْقَلْبِ*), berikrar dengan lisan (*وَالْإِقْرَارُ بِاللِّسَانِ*) dan melaksanakan dengan anggota (*وَالْعَمَلُ بِالْجَوَارِحِ*) (Fakh al-Dīn al-Rāzī).

Di samping itu al-Razi menjelaskan bahawa perkataan *يَذْكُرُونَ* dalam ayat di atas merupakan isyarat *ubudiyyah* kepada lisan, seterusnya *قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ* merupakan isyarat *ubudiyyah* kepada anggota dan *وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ* merupakan isyarat kepada *ubudiyyah* hati, fikiran



dan ruh *إِشَارَةٌ إِلَىٰ عُبودِيَّةِ الْقَلْبِ وَالْفِكْرِ وَالرُّوحِ*. Menurut beliau lagi tidak sempurna seorang insan tanpa kesemua elemen ini (Fakh al-Dīn al-Rāzī)

Daripada penelitian di atas dapat difahami bahawa wujudnya gandingan antara *tawajjuh* [iaitu memfokuskan hati dan fikiran kepada Allah SWT] dengan ibadah kepada Allah SWT dalam aspek pemikiran manusia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa gesaan berfikir bukan sekadar untuk memikirkan kejadian alam tetapi lebih dari itu adalah untuk membawa manusia mencapai *ma'rifatullah* iaitu mengenali Allah SWT yang menciptakan segala kejadian alam tersebut. Lanjutan daripada itu akan disusuli dengan tindakan pengabdian kepada Allah SWT sehinggalah terhasilnya peribadi insan bertaqwa sekaligus dapat meraih syurga-Nya.

Seterusnya dapat juga dilihat gesaan berfikir dalam firman Allah SWT yang lain antaranya:

أَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: Ketahuilah kamu, bahawa Allah menghidupkan bumi sesudah matinya; sesungguhnya Kami telah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan dan bukti, supaya kamu memikirkannya.

(al-Hadid 57:17)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa gesaan Allah SWT agar umat manusia memikirkan segala bukti kejadian kerana pada hakikatnya manusia telah dikurniakan akal fikiran yang berupaya untuk berfikir. Menurut tafsir al-Razi, ayat di atas menggambarkan bahawa hati manusia yang mati akibat kekerasan boleh dihidupkan kembali melalui zikir dan penumpuan khusyuk kepada Allah SWT seperti mana Allah SWT menghidupkan bumi yang kering kontang dengan hujan (Fakh al-Dīn al-Rāzī).

Daripada itu dapat difahami bahawa gesaan berfikir tentang fenomena alam ini adalah bertujuan untuk refleksi diri sekaligus membawa manusia menuju kepada Tuhan. Hal ini bertepatan dengan keupayaan akal manusia yang mampu melakukan refleksi terhadap diri sendiri sehingga boleh menjadi individu yang mengetahui (*subject of knowledge*) dan diketahui (*object of knowledge*) (Mohd Zaidi Ismail, 2018). Tambahan hal ini dilihat berkait rapat dengan aspek Ketuhanan yang menjadi mauduk perbincangan dalam ilmu kalam Ibn Khaldun yang akan dibincangkan secara lanjut pada bab-bab yang seterusnya.

Selain itu, Allah SWT turut menggesa agar umat manusia berfikir secara mendalam (*tafakkur*) seperti dalam firman-Nya:

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِي وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا رِجَالًا ثَنِينًا يُعْشَى  
اللَّيْلَ النَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: “Dan Dialah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-gunung dan sungai-sungai padanya, dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasang-pasangan, Allah menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkannya.”

(al-Ra'd 13:3)

Dalam mentafsirkan ayat ini al-Razi tidak menghuraikan secara khusus berkaitan perkataan *yatafakkarūn*. Namun apa yang menjadi perbincangan beliau adalah tentang proses kejadian alam khususnya berkaitan bumi yang bersifat bulat atau mendatar yang sering menjadi perbincangan pengkaji sains (Fakh al-Dīn al-Rāzī). Sementara itu, menurut Ibn Kathir dalam ciptaan Allah SWT semuanya terdapat tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan-Nya bagi orang-orang yang berakal dan menggunakan akalunya untuk merenung dan berfikir (Ibn Kathir).

Daripada itu dapat difahami bahawa sesungguhnya setiap sesuatu kejadian yang Allah SWT ciptakan adalah untuk manusia berfikir secara mendalam menggunakan akal yang dikurniakan. Disebabkan itu manusia tidak sepatutnya mengabaikan gesaan Allah SWT agar berfikir secara serius kerana ia merupakan salah satu jalan penting untuk mengenali Allah SWT sekaligus membangkitkan kesedaran untuk mengabdikan diri dan melaksanakan ketaatan terhadap perintah-Nya. Tambahan *tafakkur* dilihat sebagai pokok kepada segala ibadah kerana selain dari melaksanakan perintah solat, puasa dan zakat, berfikir tentang nikmat-nikmat Allah SWT juga merupakan ibadah yang paling utama (Yusuf al- Qaradawi, 2001).

Gesaan berfikir secara mendalam ini pada hakikatnya dapat membawa manusia kepada satu tahap darjat keimanan yang tidak boleh dicapai dalam kelalaian. Ini kerana proses berfikir secara mendalam akan membolehkan manusia menyingkap punca-punca masalah, mengenali baik dan buruk dan memahami apa yang patut dilakukan dan apa yang patut ditinggalkan. Misalnya saat datangnya dorongan syahwat untuk melakukan kemaksiatan maka fikiran yang mendalam akan menjadi penghalang dengan memikirkan azab dan kepedihan siksaan balasan api neraka. Jelas gesaan Allah SWT agar umat manusia berfikir secara mendalam ini juga adalah bertujuan untuk menyelamatkan manusia dari terjerumus ke lembah kemaksiatan malahan akan mendorong manusia untuk terus melakukan kebaikan dan ketaatan di saat memikirkan akan segala nikmat dan kurniaan Allah SWT (Yusuf al- Qaradawi, 2001). Justeru tidak dapat dinafikan lagi penting untuk manusia berfikir bagi mencapai tahap ketaqwaan.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa gesaan berfikir terkandung jelas dalam al-Quran dan ia merupakan aspek penting dalam konsep pemikiran manusia. Menerusi berfikir manusia dapat memahami setiap satu ciptaan Allah SWT bagi mengukuhkan keimanan dalam diri. Lebih dari itu ia dapat membawa manusia menuju kepada pencapaian *ma'rifatullah* yang seterusnya disusuli dengan *ta'atullah*. Daripada itu dapat juga dinyatakan bahawa gesaan berfikir dalam al-Quran adalah berkait rapat dengan pensabitan akidah sekaligus mendorong manusia menuju ke arah pemikiran yang bukan sahaja bersifat teoritikal (*nazarī*) semata-mata tetapi ia juga bersifat praktikal (*'amalī*) dengan mendorong kepada pelaksanaan ibadah.

## Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam* (Bangi: Penerbit UKM Press, 2014).
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001).
- Efrianto Hutasuhut. (2017). *Akal dan Wahyu dalam Islam*. Sumatera Utara: Disertasi sarjana, Universitas Islam Negeri .
- Fakh al-Dīn al-Rāzī. (n.d.). *Tafsīr al-Kabir*.
- Ibn Kathir. (n.d.). *Tafsir Ibn Kathir*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Mohd Farid Mohd Sharan. (2015). *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Nasir Ayub et. al. (n.d.). Amalan Berfikir dalam Islam dan Hubungannya dengan Ilmu dan Pendidikan. *Prosiding Social Sciences Postgraduate International Seminar*.
- Mohd Zaidi Ismail. (2018). *Aqal Dalam Islam Satu Tinjauan Epistemologi* . Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Zaidi Ismail. (2018). *Aqal ilmu & Pendidikan Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: IKIM Press.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi . (2013). Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi*.
- Naufal Ahmad Rijalul Alam. (2015). Pandangan Al-Ghazali Mengenai Pendidikan Akliah: Tinjauan Teoretis Dan Filosofis. *Jurnal Pendidikan Agama Islam 3*.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1990). *The Nature of Man and The Psychology of Human Soul*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Haslan bin Khairuddin. (2014). Berfikir Qur'ānī Dalam Pembentukan Insan Ta'dībī. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi 1*.
- Wan Muahammad Naif Bin Wan Mohd Nordin. (2017). Siasah Syar'iyah Sebagai Mekanisma Penjagaan Akal. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Yusuf al- Qaradawi. (2001). *al- 'Aql wa al- 'Ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zainorah Kadri . (2015). *Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran : Kajian Surah Al-Rum*. Kuala Lumpur: Tesis Kedoktoran Universiti Malaya.